

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

4hb. Mach, 1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1970

Tuan,

Sekim Perkhidmatan bagi Penjaga Jentera Letrik

Saya adalah diarah menyatakan bahawa suatu Sekim Perkhidmatan berasingan bagi Penjaga Jentera Letrik seperti yang di kembangkan pada [Lampiran 'A'](#) surat ini telah diluluskan.

2. Ada pun tujuan mengadakan Sekim ini ialah untuk membolehkan Penjaga Jentera Letrik diambil bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jentera-jentera letrik di-bangunan-bangunan Kerajaan kerana Penjaga Jentera (Mekanik) tidaklah boleh, mengikut kehendak-kehendak berkanun, menjalankan beberapa tugas mengenai jentera letrik. Tugas-tugas Penjaga Jentera Letrik adalah seperti yang terchatet dalam [Lampiran 'B'](#) surat ini.

3. Tangga gaji yang dipakai bagi perkhidmatan ini ialah tangga gaji bersih yang dirangkakan mengikut perakuan Suruhanjaya Suffian kerana tangga gaji Suffian bagi Perkhidmatan Penjaga Jentera (Mekanik) telah pun dikuatkuasakan iaitu mengikut **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1969**. Dengan yang demikian Penjaga-penjaga Jentera Letrik apabila diambil kelak tidaklah akan dibayar elaun sara hidup dan elaun rumah.

4. Perkhidmatan Penjaga Jentera Letrik itu telah dipersetujui dijadikan perkhidmatan gunasama dibawah kawalan Setia Usaha Tetap, Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom yang akan bertanggung jawab dalam hal-hal pengambilan, penempatan, latehan, kenaikan pangkat dan lain-lain perkara mengenai perkhidmatan itu. Dalam hal-hal itu Kementerian-kementerian dan Jabatan-Jabatan hendaklah berhubung terus dengan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom.

5. Mengenai soal mengujudkan jawatan-jawatan baharu atau menukarkan jawatan-jawatan Penjaga Jentera Mekanik kepada jawatan-jawatan Penjaga Jentera Letrik pula, Kementerian dan Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan mereka kepada Jabatan ini untuk di timbangkan seperti biasa.

6. Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menyampaikan kandungan Surat Pekeliling ini kepada pengetahuan sekalian pegawai yang menguruskan hal-hal perjawatan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN ABU HASSAN)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Yang Berhormat Setia Usaha-Usaha Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia Barat.

SEKIM PERKHIDMATAN

PENJAGA JENTERA LETRIK

Penjaga Jentera Letrik Tingkatan III	*	\$240 x 10 - 400/Sekatan Kekosongan
Penjaga Jentera Letrik Tingkatan II	*	\$450/Sekatan Kekosongan
Penjaga Jentera Letrik Tingkatan I	*	\$500/Sekatan Kekosongan
Penjaga Jentera Letrik Tingkatan Khas	*	\$600/-

1. Chalun-chalun bagi lantikan sebagai Penjaga Jentera Tingkatan III mestilah berusia tidak lebih daripada 27 tahun dan
 - (i) Memiliki Sijil Rendah Pelajaran atau yang setaraf dengannya serta mempunyai Sijil Wireman Tanpa Had (Wireman Nil Restriction Certification); Atau Kelayakan Masok
 - (ii) Wireman dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang - kurangnya 5 tahun dan mempunyai Sijil Wiremen Tanpa Had serta boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan dengan memuaskan.
2. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Permohonan
3. Chalun-chalun yang dilantik akan dikehendaki berkhidmat dalam perchubaaan selama 1 tahun. Tempoh Percubaan
4. Penjaga Jentera Letrik Tingkatan III yang :- Pengesahan dalam Jawatan
 - (i) telah menyempurnakan perkhidmatannya dengan memuaskan dalam tempoh perchubaaan; dan
 - (ii) diperakukan oleh Ketua Jabatannya akan disahkan dalam jawatannya.
5.
 - (i) Penjaga Jentera Tingkatan III mungkin dikehendaki mengikuti satu kursus latehan. Latehan bagi Tingkatan III
 - (ii) Penjaga Jentera Tingkatan III yang telah mengikuti kursus latehan yang disyaratkan diatas akan dikehendaki mengambil peperiksaan yang dikelolakan oleh Ketua Pemereksa Letrik bagi mendapatkan Sijil Kecekapan Penjaga Jentera "Medium Pressure only". Peperiksaan

(* Gaji Berseh)

JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN PERSEKUTUAN,
KUALA LUMPUR.

3hb. Januari, 1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1970

Tuan,

Kebenaran bagi maksud jawatan2 kosong

Berhubung dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19/1969, ada-lah dijelaskan bahawa kebenaran yang di-beri di-bawah Pekeliling tersebut kepada Ketua Setia Usaha, Kementerian dan Ketua Jabatan untuk mengisi jawatan yang kosong dengan tidak payah mendapat kebenaran Jabatan Perkhidmatan Awam atau Perbendaharaan seperti yang di-kehendaki di bawah [Perintah 'Am 'A' 8 \(a\)\(i\)](#), ia-lah semata2 bagi maksud memperolehi kelulusan untuk mengisikan jawatan2 kosong seperti yang di-kehendaki di bawah Surat Perbendaharaan Bil. 27/1967 itu sahaja.

2. Kementerian2 dan Jabatan2 maseh tetap di-kehendakki menghantar kepada Jabatan ini rang2 iklan bagi maksud pengisian jawatan2 kosong itu untuk kelulusan Jabatan ini sebelum iklan-iklan itu di-siarkan. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/1969 hendaklah terus di-patohi.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN ABU HASSAN)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Setia Usaha Tetap/ Setia Usaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

sk Setia Usaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young,
KUALA LUMPUR

mukasurat 1

LIST OF DUTIES OF CHARGEMEN (ELECTRICAL)

Grade III

(Candidate for appointment are required to possess WIREMAN NIL RESTRICTION CERTIFICATE)

1. To install maintain, service and repair domestic and kitchen equipments and appliances connected to Mains of less tha 650 Volts.
2. To install maintain, service and repair internal wirings, consumers' mains and associated wiring accessories.
3. To carry out regular tests on electrical appliances and installations such as insulations, earthing continuity and other tests as directed.
4. To carry out switching operations on electrical plants and equipments in buildings excluding switching operations in sub-stations.

Grade II

(This would be a promotion grade for Grade III. Candidates for promotion to this grade should possess "Medium Pressure only" Certificate).

1. To carry out the duties as assigned to Grade III Chargemen.
2. To carry out overhead and underground Low Voltage and Medium Voltage cable maintenance.
3. To carry out switching operations of alternators.
4. To carry out service maintenance on control switchgear and circuits
5. To install, operate and maintain motors and associated switchgear.

Grade I

(This would be a promotion grade for Grade II. Candidates for promotion grade should possess NIL RESTRICTION Certificate)

1. To carry out the duties as assigned to Chargeman Grade II.
2. Responsible for :
 - (i) carrying out switching operations in sub-station and/or power station;
 - (ii) carrying out regular maintenance on sub-station an dpower station equipments andassociated High Tension switchgear and overhead and underground cable works.
3. To take instruction from Electrical Engineer, to carry out acceptance tests, commissioning of

and other tests on all electrical apparatus and installations.

4. To service, repair workshop electrical equipments and apparatus such as welders, winders, electrical dynamometer, battery charges etc.
5. To operate and maintain synchronous operations of generator sets.

Special Grade

(This would be a promotion grade for Grade I)

1. To perform duties as assigned to Chargeman Grade I.
2. To supervise, control and be responsible for the work of Chargemen under his charge.